



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

AGRO BAZAAR PUTRAJAYA

Putrajaya – Agro Bazaar kembali lagi menawarkan pelbagai produk pertanian pada harga yang berpatutan di Taman Warisan Pertanian selama 5 hari mulai 21 November 2009.

Bertetapan dengan objekif Taman Warisan Pertanian untuk menjadi medan utama bagi memberikan informasi dan memperkenalkan pertanian kepada para pengunjung, Agro Bazaar menyajikan kepelbagaian jualan produk-produk pertanian dan tradisional kepada semua lapisan masyarakat.

Selain daripada buah-buahan segar, produk pertanian seperti anak-anak pokok buah-buahan, herba dan anak benih turut menjadi pilihan pengunjung. Antara produk yang turut dijual adalah produk rempah, aromaterapi, produk kesihatan, kudapan, baja, jus buah-buahan, serta produk seni, kraf dan tradisional.

Tarikan istimewa merupakan persembahan oleh kumpulan pemuzik tempatan turut disajikan menerusi Malam Seni Rakyat yang akan dipentaskan pada hari Sabtu, 21 November mulai 8.30 malam. Selain daripada menyerikan suasana malam, persembahan nyanyian irama lagu Melayu dijangka menarik dan menghiburkan pengunjung ke Taman Warisan Pertanian.

Program Agro Bazaar merupakan program bulanan pada minggu terakhir setiap bulan yang memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha produk pertanian tempatan menjual serta mempromosi produk mereka, mulai jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Taman Warisan Pertanian di talian
03-8888 0099 atau layari laman web www.ppj.gov.my



(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 17 Nov 2009

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013